

 Sebarang PERTUKARAN HAKMILIK hendaklah dimaklumkan kepada pihak Majlis secara bertulis beserta dokumen pindah milik ataupun dokumen lain yang berkaitan.

 Pindah milik juga boleh dilakukan dengan mengisi **BORANG G** ataupun **BORANG F** yang terdapat di mana-mana pejabat Majlis Daerah Dalat & Mukah

 Semua tunggakan hendaklah **DIJELASKAN TERLEBIH DAHULU** sebelum pindah milik dilakukan

 Memaklumkan kepada pihak Majlis jika pegangan anda siap dibina, dikosongkan, dirobohkan atau terbakar.

 Memastikan pegangan anda hendaklah bebas daripada tunggakan Cukai Taksiran.

 Memberi kerjasama kepada kakitangan Majlis apabila pegangan diukurperiksa untuk tujuan Cukai Taksiran.

BANGUNAN KOSONG / TIDAK DIDUDUKI

Pemilik boleh memohon rebat dengan mengisi borang permohonan secara bertulis. Setiap permohonan hendaklah memenuhi kesemua kriteria di bawah:

1. Kosong/tidak didiami sekurang-kurangnya selama 3 bulan berturut-turut
2. Menyertakan keratan akhbar "Untuk Disewa/Dijual"
3. Sertakan salinan bil air & elektrik
4. Membuat pembayaran penuh untuk Cukai Taksiran bagi tempoh dipohon (Tahun Semasa)



Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan pihak Majlis ataupun datang sendiri ke **Bahagian Penilaian & Pencukaian**, Majlis Daerah Dalat & Mukah. Anda juga boleh menulis surat ke alamat berikut:

Majlis Daerah Dalat & Mukah

Aras 1, Pusat Pentadbiran Baru Mukah,
Jalan Wawasan,
96400 MUKAH.



084-871622, 871623, 871632



084-871041



dalatmukahdc@sarawak.gov.my

NOTIS:

Permohonan untuk dikecualikan daripada membayar denda lewat dengan alasan tidak menerima bil Cukai Taksiran tidak akan dilayan.

Sudahkah anda menjelaskan Cukai Taksiran?

Tunaikan tanggungjawab anda hari ini 

KADARAN

CUKAI TAKSIRAN



**BAHAGIAN
PENILAIAN &
PENCUKAIAN**

MAJLIS DAERAH DALAT & MUKAH

<https://mukah-dalatdc.sarawak.gov.my>

KADARAN (CUKAI TAKSIRAN)

Kadar atau Cukai Taksiran adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik pegangan berkadar yang terletak di dalam bidangkuasa sesebuah Majlis.



PEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN

Setiap pemilik rumah, rumah kedai, hotel, stesen minyak, kilang dan pegangan berkadar lain yang terletak di dalam bidang kuasa Majlis. Jika anda menduduki bangunan atas tanah tanpa dokumen hakmilik berasingan atau tanah yang dirizabkan untuk maksud awam, anda juga **PERLU** membayar Cukai Taksiran.

TUJUAN CUKAI TAKSIRAN DIKENAKAN

Tujuan Cukai Taksiran dikenakan adalah untuk menampung perbelanjaan Majlis dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan awam untuk kesejahteraan serta keselesaan rakyat seperti pembuangan sampah, penyelenggaraan jalan raya, pemotongan rumput, lampu jalan, taman rekreasi dan kemudahan lain.



NILAI TAHUNAN

(ANNUAL RATEABLE VALUE / ARV)

Nilai tahunan bererti anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi dalam setahun ke setahun daripada pegangan berkenaan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insuran, penyelenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar serta cukai awam yang lain.

KADAR CUKAI TAKSIRAN

Tujuan Am (<i>General Purpose</i>)	9.00%
Penyelenggaraan Jalan (<i>Road Maintenance</i>)	6.00%
Lampu Jalan (<i>Street Lighting</i>)	5.00%
Pembuangan Sampah (<i>Scavenging</i>)	5.00%
JUMLAH	25.00%

CONTOH:

$$\begin{aligned} \text{Nilai Tahunan untuk} &= \text{RM}630.00 \\ \text{Rumah Setingkat (ARV)} & \\ \text{Peratusan Kadar Tahunan} &= 25.00\% \\ \text{Yang Telah Diwartakan} & \\ \text{Cukai Tahunan} &= \text{RM}630.00 \times \frac{25}{100} \\ \text{JUMLAH PERLU DIBAYAR} &= \underline{\text{RM}157.50} \end{aligned}$$

TEMPOH MEMBAYAR CUKAI

Anda dikehendaki membayar Cukai Taksiran sebelum Tarikh Akhir Pembayaran (*Due Date*) seperti yang dinyatakan di dalam bil. Kelewatan untuk berbuat demikian akan menyebabkan anda akan dikenakan **DENDA BAYARAN LEWAT/SERCAJ**.

Pembayaran boleh dibuat di mana-mana Kaunter Pembayaran Majlis:

- ❖ Kaunter Pembayaran, Ibu Pejabat MDDM, Mukah
- ❖ Kaunter Pembayaran, MDDM Cawangan Dalat
- ❖ Kaunter Pembayaran, MDDM Cawangan Balingian

Kaunter MDDM menerima pembayaran secara **Tunai**, **Cek** atau pun **Imbasan PBe QR**. Medium pembayaran lain adalah melalui **S Pay Global** dan **Sarawak Service**.

TARIKH AKHIR PEMBAYARAN

TEMPOH

½ Tahun Pertama
½ Tahun Kedua
Tahunan



TARIKH AKHIR
31 Mei
31 Oktober
31 Oktober

TINDAKAN SEKIRANYA CUKAI TAKSIRAN TIDAK DIJELASKAN

- Denda sebanyak **1 % sebulan** dikenakan
- **Form G1 (Certificate of Clearance of Indebtness)** **tidak akan dikeluarkan** (untuk kegunaan bagi pengesahan pertukaran hakmilik tanah di Pejabat Tanah & Survei)
- Pegangan anda akan **dikaveat**. Ini akan menyebabkan pendaftaran hakmilik ataupun segala urusan lain berkenaan dengan pegangan anda akan disekat
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda
- Melelong harta mudah alih yang dirampas
- Pelaksanaan waran tahanan harta mudah alih

TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI PEMBAYAR CUKAI

❓ Membayar Cukai Taksiran **Sebelum Tarikh Akhir** pembayaran.

❗ Memaklumkan kepada pihak Majlis sekiranya terdapat pertukaran pada alamat surat-menurut bagi mengelakkan bil Cukai Taksiran tidak sampai kepada anda.

QR Code
Anda juga boleh membuat permohonan e-Bil Cukai Taksiran. Sila lawati Laman Web Majlis untuk maklumat selanjutnya.